

<http://www.ukm.my/jhadhari> (28 Oktober 2014).
Zakiah Daradjat (1980). *Kepribadian Guru*. Jakarta : Bulan bintang.
Zamri Mahamood, Nor Razah Lim, Ruslin Amir & Jamaludin Badusah (2011). *Kualiti Penyoalan Guru Bahasa Melayu*. Dlm. Zamri Mahamood, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt). *Tranformasi dan Inovasi dalam Pendidikan* (hlm.327-347). Bangi: Penerbitan FakultPendidikan UKM.

**TAHAP AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM PENGAJARAN
TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

Paharudin Arbain, Ph.D
paharudin40@yahoo.com
Hafilah Abd Satar, Ph.D
ummubalqis1973@gmail.com
Luqman Nur Hakim
luqmantortoise17@gmail.com

IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi

Abstrak

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran berterusan yang dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi tujuan meningkatkan penguasaan murid dan juga menambahbaik pengajaran guru. Kajian ini turut meninjau tahap amalan pentaksiran dalam pengajaran tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah. Kajian ini mengetengahkan Model al-Qabisi dan Model Asad Humam yang menekankan amalan pentaksiran sepanjang PdP tilawah al-Quran. Kajian berbentuk kuantitatif ini turut disokong dengan data kualitatif. Seramai 402 Guru Pendidikan Islam dipilih secara rawak berstrata berdasarkan zon untuk menjawab instrumen soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen PBD ditekankan oleh guru sepanjang pengajaran tilawah al-Quran. Guru sering melaksanakan aktiviti pentaksiran terhadap bacaan murid dan merekodkannya untuk tindakan susulan. Guru juga sering mempraktikkan amalan merumus topik pelajaran dengan cara memperdengarkan semula bacaan contoh atau membuat kesimpulan terhadap pelajaran yang disampaikan. Implikasi dan cadangan dikemukakan bagi memberikan input yang bermanfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha meningkatkan kualiti pentaksiran dalam pengajaran tilawah al-Quran turut dibincangkan.

Kata kunci : Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Tilawah al-Quran, Sekolah Rendah, Pentaksiran Tilawah al-Quran.

Abstract

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) is a standard curriculum at the secondary school level that is implemented as a continuation and development of the existing tahfiz program in schools. This study aimed to assess the perceptions of tahfiz teachers on the learning of Mahārāt al-Quran in religious secondary schools (SMA) around the nine states. The objective of this study was to identify the perceptions of tahfiz teachers on student involvement throughout the learning process of Mahārāt al-Quran. A sampling of 90 people was determined by referring to the table of Krejcie & Morgan (1970) which involved six schools in Negeri Sembilan. This study uses a stratified random sampling method.

This study uses a quantitative approach through the distribution of questionnaires to collect data and information. Data were analyzed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 software descriptively to determine the mean value, standard deviation, percentage and interpretation data. The findings of the study found that the teaching methodology, Teaching Aids (BBM) and student involvement in learning Mahārāt al-Quran are also at a moderately high level. Among the things that are proposed is the process of improvement should be done from time to time to ensure the implementation of the Integrated Curriculum Tahfiz (KBT) Mahārāt al-Quran carried out in accordance with the goals and objectives planned.

Keywords: Tahfiz Teacher Perception, Learning, Mahārāt al-Quran, Kurikulum Bersepadu Tahfiz

Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) membolehkan proses pentaksiran dilakukan secara berterusan dalam PdP bagi tujuan meningkatkan penguasaan murid di samping mengukuhkan pengajaran guru. Pelaksanaan PBD juga diharapkan dapat dibudayakan oleh semua guru di peringkat sekolah bagi tujuan meningkatkan anjakan baru terhadap corak pendidikan yang bukan lagi berorientasikan peperiksaan sahaja (KPM 2018). Menerusi pelaksanaan PBD juga diharapkan guru mampu mengesan perkembangan pelajar secara holistik serta berusaha menekankan konsep pentaksiran secara berterusan.

PERNYATAAN MASALAH

Beberapa kajian terkini berkaitan PBD telah dijalankan di peringkat sekolah dalam pelbagai mata pelajaran. Sebagai contoh hasil kajian Dewani (2018) merumuskan pencapaian terhadap matlamat pentaksiran sekolah dan amalan pentaksiran sekolah dalam kalangan guru Sains masih kurang memuaskan. Kajian Salwa (2016) juga menunjukkan guru masih kurang mahir terhadap pemilihan kaedah dan bahan sumber yang bersesuaian untuk pentaksiran yang dijalankan serentak dalam proses pengajaran. Perkara yang sama disuarakan Wan Mohd Zuhairi (2017) yang menyatakan sekiranya guru gagal memahami kaedah pengurusan evidens pentaksiran sekolah dengan baik akan menjadikan aktiviti pentaksiran berlaku seolah-olah seperti perkara rutin sahaja. Tambahan lagi hasil kajian Mohd Haidi et al. (2020) turut menyatakan bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas turut menyukarkan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru. Berdasarkan pernyataan masalah ini menunjukkan kajian tentang amalan PBD dalam konteks tilawah al-Quran wajar diteruskan memandangkan masih terdapat kelompangan dan perlukan kajian terutama tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah menilai tahap amalan pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi mata pelajaran tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dirangka bagi menjawab persoalan “Apakah tahap amalan pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi mata pelajaran tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah?”

TINJAUAN LITERATUR

Menurut al-Qabisi (1955) telah merungkai tentang asas pengajaran al-Quran secara teori dan amali dalam pendidikan. Matlamat utama pengajaran al-Quran di sisi al-Qabisi adalah mengenal agama (*maʿrifatuddin*) dan membentuk akhlak. Manakala objektif pengajaran al-Quran adalah bagi tujuan hafazan (*hifz*), kefahaman (*waʿiy*) dan kemampuan membaca semula (*istirjaʿ*) secara tartil. Al-Qabisi beranggapan proses pengajaran al-Quran memerlukan guru membuat persediaan awal dan peka dengan perbezaan tahap murid serta memberikan peluang yang sama kepada semua murid.

Al-Qabisi berdasarkan kupasan Al-Na'miy (1995) juga tidak hanya membataskan pentaksiran sekadar peperiksaan sahaja, malah beliau menyarankan agar guru bersifat peka dan sentiasa membuat pemerhatian ke atas tingkah laku murid sepanjang pengajaran agar tidak menyimpang daripada akhlak dan prinsip agama. Menurut al-Qabisi pentaksiran perlu dilakukan secara berterusan secara harian, mingguan dan ujian akhir. Manakala teknik penggunaan pelbagai deria seperti mendengar, melihat, membaca dan menulis turut ditekankan di samping menggalakkan penggunaan mashaf al-Quran, alat tulis dan buku catatan.

Model pengajaran As'ad Humam (2005) turut menggambarkan proses pengajaran al-Quran kepada beberapa komponen utama seperti objektif, tahap murid, kaedah pengajaran, pujian dan pentaksiran. Menurut As'ad Humam menyatakan keperluan tahap pengajaran berasaskan pencapaian individu. Malah guru juga perlu menyediakan buku rekod prestasi untuk tujuan pentaksiran dan pengesanan

Model pengajaran Le Francois (1997) turut menggambarkan pengajaran sebagai proses yang menekankan objektif, tahap murid dan kaedah serta penilaian semula. Tambahan lagi beberapa teori dan model pentaksiran dalam pengajaran merumuskan komponen pentaksiran merupakan satu elemen penting yang saling berkait rapat dengan PdP (Fautley & Savage, 2007). Malah fungsi pentaksiran dalam PdP juga mampu meningkatkan pembelajaran pelajar dan pengajaran guru (McMillan, 2008).

METODOLOGI

Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif yang menggunakan kajian kuantitatif dan disokong dengan kualitatif. Kajian ini melibatkan sekolah kebangsaan yang dibahagikan kepada lima zon utama iaitu Kedah (Utara), Perak (Tengah), Johor (Selatan), Kelantan (Timur) dan Sabah (Malaysia Timur). Pengkaji menetapkan jumlah saiz sampel guru dalam kajian ini kepada 402 orang bagi memenuhi jadual penentuan saiz sampel Cohen (2000). Tambahan lagi 10 orang guru turut terlibat dengan proses pemerhatian amalan PBD dalam bilik darjah.

Bagi memudahkan penghuraian dalam penganalisis data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi min tingkah laku afektif yang dirumuskan oleh Nunally (1978) seperti dalam Jadual 1 di bawah. Interpretasi nilai min disusun secara menurun dari min yang paling tinggi sehingga min yang paling rendah.

Jadual 1 : Interpretasi Min Tingkah laku Afektif Nunally.

Skor Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi (T)
3.01-4.00	Sederhana Tinggi (ST)
2.01-3.00	Sederhana Rendah (SR)
1.01-2.00	Rendah (R)

Sumber : Nunnally (1978).

LAPORAN DAPATAN KAJIAN

Tahap amalan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah

Analisis deskriptif pelaksanaan pentaksiran bagi pengajaran tilawah al-Quran dilaporkan berdasarkan instrumen soal selidik guru, pemerhatian serta temu bual. Analisis berkaitan pelaksanaan komponen pentaksiran dalam pengajaran menurut persepsi guru adalah seperti Jadual 2 di bawah. Hasil kajian mendapati lima item mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan empat item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi.

Secara terperinci item yang mendapat interpretasi min pada tahap tinggi ialah item G4- guru menilai tahap bacaan murid semasa pengajaran al-Quran (min 4.19) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 89.6%, item G5 - guru merekod tahap pencapaian murid secara individu (min 4.12) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 82.6%, item G2- guru memperdengarkan semula bacaan contoh kepada murid (min 4.07) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 81.6%, item G8- guru memerhatikan perubahan sikap murid sepanjang pengajaran (min 4.04) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 82.3% dan diikuti oleh item G1- guru merumuskan topik pelajaran yang baru disampaikan (min 4.02) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 80.6%.

Seterusnya item yang mendapat interpretasi min pada tahap sederhana tinggi ialah item G3- guru memimpin murid merumuskan bacaan mengikut kaedah tajwid (min 3.91) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 74.6%, item G7- guru memberikan latihan pemantapan sebagai kerja rumah (min 3.86) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 73.3%, item G9- guru memimpin murid menilai kelemahan diri dalam bacaan al-Quran (min 3.74) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 65.2% dan diikuti oleh item G6- guru merekod kelemahan murid untuk tindakan susulan (min 3.58) dengan peratus sangat kerap dan kerap ialah 58.7%. Jadual 4.29.

Jadual 2 : Analisis deskriptif tahap amalan pentaksiran sepanjang PdP tilawah al-Quran menurut persepsi guru.

No	Item pentaksiran	TP	JJ	KK	K	SK	Min	S.P	Int.
G4	Guru menilai pencapaian murid semasa pengajaran al-Quran	0 0%	3 0.7%	39 9.7%	237 59.0%	123 30.6%	4.19	0.62	T
G5	Guru merekod pencapaian bacaan murid secara individu.	4 1.0%	5 1.2%	61 15.2%	201 50.0%	131 32.6%	4.12	0.77	T
G2	Guru memperdengarkan semula bacaan contoh	0 0%	8 2.0%	66 16.4%	216 53.7%	112 27.9%	4.07	0.72	T
G8	Guru menilai perubahan sikap murid sepanjang pengajaran	0 0%	5 1.2%	66 16.4%	240 59.7%	91 22.6%	4.04	0.66	T
G1	Guru merumuskan topik pelajaran yang baru disampaikan	0 0%	7 1.7%	71 17.7%	231 57.5%	93 23.1%	4.02	0.69	T
G3	Guru memimpin murid merumuskan bacaan berdasarkan hukum tajwid	5 1.2%	9 2.2%	88 21.9%	216 53.7%	84 20.9%	3.91	0.78	ST
G7	Guru memberikan latihan pemantapan sebagai kerja rumah	8 2.0%	19 4.7%	80 19.9%	210 52.2%	85 21.1%	3.86	0.93	ST
G9	Guru memimpin murid menilai kelemahan diri dalam bacaan al-Quran	10 2.5%	15 3.7%	115 28.6%	193 48.0%	69 17.2%	3.74	0.87	ST
G6	Guru merekodkan kelemahan murid untuk tindakan susulan	13 3.2%	32 8.0%	121 30.1%	181 45.0%	55 13.7%	3.58	0.93	ST
	Min Keseluruhan						3.71	0.56	ST

TP: Tidak Pernah JJ: Jarang-Jarang KK: Kadang-Kadang K: Kerap SK: Sangat Kerap

T: Tinggi ST: Sederhana Tinggi SR: Sederhana Rendah R: Rendah

Berdasarkan analisis kajian menunjukkan elemen pentaksiran amat ditekankan oleh guru sepanjang pengajaran tilawah al-Quran. Guru melaksanakan pentaksiran terhadap bacaan murid secara individu dan merekodkannya untuk tindakan susulan. Guru juga sering mempraktikkan amalan merumus topik pelajaran sama ada dengan cara memperdengarkan semula bacaan contoh tilawah al-Quran atau membuat kesimpulan terhadap pelajaran yang baru sahaja disampaikan.

Berdasarkan analisis data pemerhatian juga menunjukkan amalan pentaksiran diberikan perhatian oleh sebahagian besar peserta guru. Malah amalan mentaksir tahap bacaan murid dan perubahan sikap murid sepanjang pengajaran tilawah al-Quran turut ditekankan. Manakala amalan yang kurang diberikan perhatian oleh guru adalah amalan memberikan latihan pemantapan sebagai kerja rumah iaitu hanya tiga pemerhatian sahaja yang melaksanakannya

Hasil pemerhatian Peserta GPI 1 bagi proses pengajaran tilawah al-Quran dijalankan menunjukkan guru melakukan pentaksiran terhadap murid secara individu...sebagai contoh “seorang murid tahap Iqra’ 4 kelihatan belum mampu membaca al-Quran...guru membimbing bacaannya satu persatu. Manakala dua orang murid tahap Iqra’ 5 kelihatan hanya mampu membaca al-Quran secara merangkak-rangkak dan baki lapan murid lain kelihatan sudah berada pada tahap al-Quran...cuma kurang mahir dari aspek tajwid sahaja...di samping itu kelihatan guru turut mencatatkan sesuatu tentang perkembangan murid” (Pemerhatian GPI- 1).

Hasil perhatian Peserta GPI 3 pula menunjukkan guru dan murid membaca surah al-Nur...guru membaca secara bacaan *tartil* dan diikuti oleh murid secara beramai-ramai. Apabila berlaku kesalahan bacaan seperti sebutan *makhraj huruf* kurang tepat, guru terus membuat teguran dan bacaan diulang semula. Guru juga mengaitkan bacaan dengan hukum tajwid dan tanda bacaan *resam Uthmani*. Contohnya guru menyoal, murid-murid...cuba jawab, huruf *jim* kecil (ج) tanda apa? Beberapa orang murid menjawab secara serentak...tanda boleh berhenti...selepas membaca beberapa ayat, guru bertanya lagi. Tanda *qaf, lam, ya* kecil (قلی) tu apa pula?... pelbagai jawapan dari murid dan guru menegaskan... itu tanda boleh sambung ...tapi berhenti bacaan lagi baik (Pemerhatian GPI-3).

Semasa pengajaran tilawah al-Quran dijalankan, dapat diperhatikan guru sering memuji bacaan murid sebagai contoh Peserta GPI 3 juga, guru menyatakan...bagus Ahmad Hadif, bacaan baik...ada peningkatan. Quran ni kena baca hari-hari...macam main takraw juga..mula-mula tak pandai...tapi main hari-hari...lama-lama pandai...betul tak (sambil sebahagian murid ketawa) (Pemerhatian GPI-3).

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bagi tilawah al-Quran sekolah rendah

Perbincangan secara keseluruhannya berkaitan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah menunjukkan min pada tahap sederhana tinggi (min 3.71). Beberapa item yang memperoleh skor tertinggi menurut persepsi guru antaranya adalah amalan mentaksir tahap penguasaan murid semasa pengajaran al-Quran (min 4.19), merekod tahap bacaan murid secara individu (min 4.12), memperdengarkan semula bacaan contoh (min 4.07) dan merumuskan pelajaran semasa sesi penutup (min 4.02).

Bagi item pembacaan al-Quran secara individu juga memudahkan guru untuk membuat pentaksiran berbanding pembacaan secara berkumpulan ada persamaan dengan pandangan yang ditegaskan oleh al-Qabisi (1955) dan Mohamad Sahari (2010). Tambahan pula, Mohd Aderi (2008) menegaskan dalam pengajaran tilawah al-Quran keprihatinan guru untuk memastikan murid menguasai bacaan al-Quran merupakan aspek penting yang perlu ditekankan dalam bilik darjah. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Le Francois (1997) dan Robert Glaser (1962) yang menegaskan bahawa seorang guru perlu menilai keberkesanan proses pengajaran dan kesesuaian objektif yang diharapkan.

Justeru, pentaksiran bukan sahaja berlaku selepas tamat proses pengajaran, bahkan pentaksiran berlaku secara berterusan sepanjang pengajaran agar guru dapat menilai keberkesanan pengajarannya. Pernyataan ini juga bertepatan dengan pandangan Patton (1991) yang menyatakan proses penilaian sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran adalah lebih bermanfaat daripada menilai produknya kerana segala permasalahan berupaya diperbaiki pada peringkat awal.

KESIMPULAN

Hasil kajian kes pentaksiran bilik darjah (PBD) Tilawah al-Quran jelas menunjukkan melalui pelaksanaan PBD secara terancang ia mampu meningkatkan pengajaran guru dan juga pembelajaran murid dalam kemahiran tilawah al-Quran itu sendiri. Peningkatan pencapaian kemahiran tilawah al-Quran boleh dicapai kerana murid dinilai pada setiap masa dan sepanjang PdP dijalankan dalam bilik darjah lagi. Tambahan lagi, melalui pelaksanaan PBD tilawah al-Quran yang turut menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti PdP dengan kaedah dan teknik pengajaran yang pelbagai.

Rujukan

- Ahwani, Ahmad Fuad. 1955. *At-tarbiah fil Islam aw at-ta'lim fi ra'yil al-Qabisi*. Qahirah : Dar Ihya' al-Kutub al-A'rabiyyah.
- Al-Qabisi, Abu Hassan 'Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'allimin wa ahkam al-mu'alimin wa muta'alimin*. Kaherah : Dar Ehya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Na'miy, 'Abdullah al-Amin. 1994. (Mohd Ramzi Omar penterjemah). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- As'ad Humam. 2005. *Iqra' cara cepat belajar membaca al-Quran*. Shah Alam: Dar al-Kitab.
- Brookhart, S.M. 2007. *Expanding views about formative classroom assessment : A review of the literature*. Dlm. McMillan J.H (pnyt.). *Formative classroom assessment : Theory into practice*. New York : Teachers College Press.
- Cohen, L. Manion, L. & Morrison, K. 2000. *Research methods in education*. Fifth Edition. London : Routledge Falmer.
- Dewani Goloi. 2018. *Pencapaian matlamat Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi mata pelajaran Sains : satu penilaian awal*. *Tesis Ph.D*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Le Francois, G.R. 1997. *Psychology for teaching*. United States of America : Wadsworth Publishing Company.
- Fautley, M & Savage, J. 2007. *Assessment for learning and teaching in secondary schools*. United Kingdom. Learning Matters Ltd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2018. *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM Putrajaya.
- McMillan, J.H. 2008. *Assessment essentials for standard-based education*. California : Corwin Press.
- Mohd Aderi Che Noh. 2008. *Hubungan antara amalan pengajaran guru dan pencapaian tilawah al-Quran pelajar tingkatan dua di Malaysia*. *Tesis Ph.D*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putera Malaysia.
- Mohd Haidi Mohd Kasran, Rozeha Harun, Mohamad Asri Ayob. 2020. *Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru di sekolah rendah*. Dalam *e-Prosiding InCER2020*. Bangi : Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam.
- Mohamad Sahari Nordin. 2010. *Pengujian dan penaksiran di bilik darjah*. Kuala Lumpur : Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Mohd Yusuf Ahmad. 2004. *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Nunally, J.C. 1978. *Psychometric theory*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.
- Patton, M.Q. 1991. *Qualitatif evaluation and research method*. Newbury Park, Sage.
- Salwa Awang @ Mohd Ramli. 2016. *Kesediaan dan keprihatinan guru pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. *Tesis Sarjana Pendidikan*. Fakulti